

BERBAKAT...Sonar Tribal membuat persembahan sempena pelancaran EP mereka, baru-baru ini.



Mahasiswa Unimas bikin EP

Muzik promosikan irama tradisional Sarawak

>>Oleh Rudy Fazrunisyam Samarudin

rudy@hmetro.com.my

KUCHING: Sonar Tribal sebuah kumpulan muzik ditarisai sekumpulan mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) melahirkan album mini (EP) pertama mereka bertajuk 'First Episode' dalam usaha mempromosi muzik tradisional Sarawak.

Kumpulan Sonar Tribal juga pemenang peringkat Zon Sarawak pertandingan DiGi Challenge for Change (C4C) 2011 anjuran DiGi bakal berentap di peringkat akhir pada 21 dan 22 Mac ini di Kuala Lumpur.

Ketua kumpulan, Adruze Izzul Fahmi, 22, berkata, Sonar Tribal ditubuhkan bagi memelihara muzik tribal wa-

risan pelbagai etnik Sarawak dengan melatih dan mengetengahkan bakat anak muda serta mengembangkan muzik mereka ke seluruh dunia.

Katanya, dia, Muhammad Hafizi Asmuni dan Muhammad Sufyan Kamrol Zaman pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, mempunyai minat dalam bidang muzik.

"Muzik melampaui pelbagai bahasa, tetapi muzik tradisional bukanlah pilihan utama memandangkan lebih banyak pilihan genre muzik lain pada masa ini," katanya.

Majlis pelancaran mini album berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna, Student Pavilion, Unimas, baru-baru ini dan ia disempurnakan Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Unimas, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Turut hadir pada majlis itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan, Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim dan Ketua DiGi Telecommunications Sdn Bhd Bahagian Sarawak, Benny Wee.

Menurut Adruze, Sonar Tribal mengeksperimen gabungan muzik kontemporari dan tribal untuk menjadikan ia lebih dirasai dan dapat diterima oleh semua generasi tanpa mengubah dan menghilangkan keaslian muzik tersebut.

"First Episode mengandungi enam lagu yang dirakamkan di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Unimas dan Shone Music House yang mengetengahkan lagu ciptaan ahli kumpulan itu sendiri," katanya.